

BAB 6 / CHAPTER 6



HAL-EHWAL ALAM SEKITAR ANTARABANGSA – KERJASAMA DUA HALA INTERNATIONAL ENVIRONMENTAL AFFAIRS – BILATERAL COOPERATION

Malaysia - Singapura

Mesyuarat Ke-8 Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura mengenai Alam Sekitar (WG of MSJCE)

Mesyuarat Ke-8 Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura mengenai Alam Sekitar (WG of MSJCE) telah diadakan pada 12 - 13 November 2009 yang dipengerusikan bersama oleh Y. Bhg. Dato' Hajah Rosnani Ibarahim, Ketua Pengarah Alam Sekitar, Malaysia dan Encik Andrew Tan Ketua Pegawai Eksekutif, *National Environment Agency, Singapore*. Mesyuarat tersebut telah diadakan di Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman.

Delegasi Malaysia ke mesyuarat tersebut terdiri daripada pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Alam Sekitar serta wakil dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Pusat Hidrografi Nasional.

Mesyuarat tersebut membincangkan dan bertukar pendapat mengenai isu-isu alam sekitar kawalan pencemaran kenderaan, pemantauan kualiti air di Selat Johor, tumpahan minyak dan kimia di Selat Johor dan program latihan alam sekitar. Delegasi juga dibawa ke Kilim Geoforest Park sebagai lawatan teknikal selepas 1 ½ hari mesyuarat di mana taman tersebut telah diisytiharkan sebagai "World Geopark" oleh "UNESCO Global Geoparks Network".

Malaysia - Bangladesh

Satu delegasi yang terdiri daripada 10 orang pegawai kanan dari Jabatan Kejuruteraan Kerajaan Tempatan, Bangladesh telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Jabatan Alam Sekitar, Malaysia pada 3 Februari 2009. Tujuan lawatan tersebut adalah untuk mempelajari tentang proses Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekeliling di Malaysia.

Malaysia - Singapore

The 8th Malaysia - Singapore Joint Committee on the Environment Working Group Meeting

The 8th Malaysia - Singapore Joint Committee on the Environment Working Group Meeting (WG of MSJCE) was held from 12 - 13 November 2009. Co-chaired by Dato' Hajah Rosnani Ibarahim, Director-General of Environment, Malaysia and Mr. Andrew Tan, Chief Executive Officer, National Environment Agency, Singapore, the Meeting was held in Pulau Langkawi, Kedah Darul Aman.

The Malaysian delegates to the Meeting were senior officers of DOE and representatives from the University Kebangsaan Malaysia and the National Hydrographic Centre.

The Meeting discussed and exchanged views on environmental issues namely vehicular emissions control, water quality in the Straits of Johor, chemical and oil spill along the Straits of Johor, and environmental training programs. Following the 1 ½ day meeting was a technical visit to the world renowned Kilim Geoforest Park, which holds the distinction of having been awarded the World Geopark status with a listing in the UNESCO Global Geoparks Network.

Malaysia - Bangladesh

A delegation consisting of 10 officers from Local Government Engineering Department, Bangladesh visited the Department of Environment, Malaysia on 3 February 2009. The visit was to learn about the Environmental Impact Assessment process in Malaysia.



Mesyuarat Ke-8 Kumpulan Kerja Jawatankuasa Bersama Malaysia - Singapura
Mengenai Alam Sekitar (Working Group of MSJCE)
The 8th Malaysia - Singapore Joint Committee on the Environment (MSJCE) Working Group Meeting

Jabatan Alam Sekitar, Malaysia juga telah menerima lawatan delegasi yang terdiri daripada enam (6) orang pegawai kanan dari Bahagian Pertanian, Kementerian Perancangan, Bangladesh pada 14 Ogos 2009. Tujuan lawatan ini adalah untuk mengumpul maklumat tentang projek Environmentally Hazardous Substances (EHS) yang telah dibangunkan di bawah Program Kerjasama Alam Sekitar Malaysia-Denmark.

Malaysia-Vietnam

Seramai 14 orang dari Kementerian Perancangan, Vietnam telah mengadakan lawatan ke Jabatan Alam Sekitar, Malaysia pada 25 Februari 2009. Objektif lawatan delegasi adalah untuk mendapatkan pengalaman mengenai pelaksanaan strategi untuk pembangunan mampan dan pelan tindakan perubahan iklim di Malaysia.

The Department of Environment, Malaysia also received a delegation consisting of six (6) senior officers from the Agriculture Division, Ministry of Planning, Bangladesh on 14 August 2009. The purpose of the visit was to gather information on the Environmentally Hazardous Substances (EHS) project developed under the Malaysia-Denmark Environmental Cooperation Programme.

Malaysia-Vietnam

A delegation consisting of 14 officers from Ministry of Planning, Vietnam visited the Department of Environment, Malaysia on 25 Februari 2009. The objective of the visit was to gain experience on the strategic implementation on sustainable development and climate change action plan in Malaysia.



Lawatan Delegasi dari Bangladesh ke Ibu Pejabat JAS pada 14 Ogos 2009
 Visit by Bangladeshi Delegation to DOE Headquarters on August 2009

Malaysia-Norway

Delegasi seramai tiga (3) orang pakar dari negara Norway telah mengadakan lawatan ke Jabatan Alam Sekitar, Malaysia pada 8 Oktober 2009. Tujuan rombongan tersebut adalah untuk berkongsi maklumat mengenai aspek-aspek perundangan alam sekitar yang berkaitan dengan pembangunan akuakultur di Malaysia, penilaian kesan terhadap alam sekeliling (EIA), kawalan pencemaran dan kualiti air.

Malaysia-Norway

A delegation consisting of three (3) experts from Norway visited the Department of Environment, Malaysia on 8 October 2009. The purpose of the visit was to share information on the environmental legislation related to aquaculture development in Malaysia, Environmental Impact Assessment, water quality and pollution control.



Lawatan Delegasi dari Norway ke Ibu Pejabat JAS pada 8 Oktober 2009
 Visit by Norwegian Delegation to DOE Headquarters on 8 October 2009

Malaysia – Indonesia Mengenai Jerebu

Memorandum Persefahaman (MoU) di antara Malaysia dan Indonesia ke arah usaha-usaha pencegahan kebakaran tanah dan hutan serta fenomena jerebu di Wilayah Riau, Sumatera, Indonesia telah ditandatangani pada 3 Jun 2008, di Jakarta, Indonesia. Objektif program ini adalah untuk mengurangkan risiko kebakaran tanah gambut yang boleh menyebabkan fenomena jerebu di Wilayah Sumatera, Riau, melalui tindakan bersama masyarakat setempat serta kerjasama dengan kerajaan tempatan.

Satu projek perintis mengenai pengurusan tanah gambut secara lestari telah dilaksanakan di bawah MoU ini untuk tempoh dari Disember 2008 hingga 30 November 2009, yang mana telah melibatkan masyarakat setempat, NGO tempatan, dan kakitangan kerajaan tempatan.

Projek ini merangkumi aktiviti-aktiviti seperti sekatan terusan, di mana tujuh (7) buah sekatan terusan telah dibina bagi menahan pengaliran keluar air gambut di lima (5) buah tapak perintis iaitu di Desa Bantayan Baru, Desa Bantayan Hilir, Desa Bantayan Induk di Batu Hampar, dan Desa Rantau Bais di Tanah Putih. Di samping itu juga, lima belas (15) buah telaga air telah dibina di Desa Memugo, bagi menampung air untuk tujuan pemadaman kebakaran.

Melalui projek perintis ini, kerjasama dikalangan sektor swasta dengan pihak Kerajaan Tempatan bagi membanteras aktiviti pembakaran terbuka telah dapat dipertingkatkan.

Selain daripada projek perintis di atas, satu unit stesen pemantauan kualiti udara yang berupaya mencekap data pepejal terampai berukuran diameter kurang 10 mikron (PM_{10}) telah siap dipasang dan beroperasi mulai bulan Mei 2009 di Bagan Siapi-api, Daerah Rokan Hilir. Stesen ini adalah sebagai satu sistem amaran awal untuk mengesan kebakaran hutan dan tanah gambut serta jerebu.

Program Kerjasama ini telah selesai dilaksanakan seperti yang dirancang dan satu Mesyuarat Penutupan Program Kerjasama ini telah dijadualkan berlangsung pada bulan Januari 2010.

Malaysia – Indonesia on Haze

A Memorandum of Understanding (MoU) between Malaysia and Indonesia on collaboration in Preventive Measures to Deal with Land and Forest Fires and Haze in Riau Province, Sumatera, Indonesia was signed on 3rd of June 2008 in Jakarta, Indonesia. The objective of the project is to reduce the risk of peatland fires and associated haze in Rokan Hilir District of Riau Province through community-based actions and partnership with the private sector and local government.

Under this MoU, a pilot project on sustainable management of peatland involving the local communities, the Local Authority and the local NGOs was implemented from December 2008 until 30th of November 2009.

Activities implemented under this project among others were canal blocking to prevent overflow of peat water and construction of water holding wells for firefighting. Programme to enhance awareness on the effect of open burning was also carried out. Under this project, fifteen (15) water holding wells were constructed at Desa Memugo and seven (7) canal blocks constructed in five (5) pilot locations in Desa Bantayan Baru, Desa Bantayan Hilir and Desa Bantayan Induk in Batu Hampar Sub-district, and Desa Rantau Bais in Tanah Putih Sub-district.

Cooperation between private sectors and the Local Authorities in dealing with land and forest fires issues in the project area had been enhanced.

In addition to the above activities, an air quality monitoring station to monitor the level of particulate matter of less than 10 micron in diameter (PM_{10}) was installed and began operation in May 2009 at Bagan Siapi-api, capital city of Rokan Hilir Regency as an early warning system for land and forest fires and haze.

The collaboration programme had been successfully implemented and a wrap-up meeting scheduled on January 2010 will conclude the above project.



Installation of An Air Quality Monitoring Station in Bagan Siapi-api, Rokan Hilir Regency



Aquaculture Activity in The Blocked Canals



Water Storage Well in Desa Mumugo, Rokan Hilir, Regency

BAB 7 / CHAPTER 7

